

BPAM lancar khidmat baharu nilai harga bon

Bond Pricing Agency Malaysia Sdn Bhd (BPAM) melancarkan perkhidmatan baharu bagi penilaian harga bon dan sukuk yang tidak mempunyai penarafan.

Sejajar pengumuman Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) baru-baru ini mengenai kebolehtukaran dan kebolehdagangan bon serta sukuk tidak mempunyai penarafan, keperluan untuk harga yang bebas kini adalah penting untuk memenuhi permintaan standard kewangan dan pelaporan risiko.

Ketika ini, ada kira-kira 530 bon dan sukuk yang tidak mempunyai penarafan daripada 98 penerbit bernilai kira-kira RM50 billion, yang dipegang oleh pelbagai institusi tempatan dan asing.

Menurut BPAM, dengan perkhidmatan baharu itu, pihaknya kini menyediakan harga harian bagi setiap instrumen pendapatan tetap di pasaran Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif BPAM, Meor Amri Meor Ayob, berkata perkhidmatan harga tidak mempunyai penarafan diperkenalkan sebagai tindak balas kepada semakan



“**Kami berharap perkhidmatan baharu ini akan memudahkan aktiviti dan pertumbuhan lebih besar dalam pasaran bon tidak mempunyai penarafan, yang membawa kepada lebih banyak perdagangan dan jumlah penerbitan**”

Meor Amri Meor Ayob,
Ketua Pegawai Eksekutif
BPAM

semula garis panduan SC.

Beliau menjelaskan, pihaknya membangunkan kaedah yang mengikuti standard global bagi instrumen jenis itu.

Kekalkan pasaran bon

“Kami berharap perkhidmatan baharu ini akan memudahkan aktiviti dan pertumbuhan lebih besar dalam pasaran bon tidak mempunyai penarafan, yang membawa kepada lebih banyak perdagangan dan jumlah penerbitan.

“Menyahut cabaran ini adalah sebahagian daripada usaha kami untuk terus mengekalkan pasaran yang relevan dan inovatif,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Ditubuhkan pada 2004 di bawah nama Bondweb Malaysia Sdn Bhd, BPAM kini adalah satu-satunya agensi harga bon berdaftar yang ditauliah oleh SC.

Ia adalah peneraju pasaran dalam perkhidmatan penilaian harga dan perangkaan bon di pasaran Pendapatan Tetap Malaysia dan ketika ini memberi perkhidmatan kepada lebih 120 institusi tempatan serta antarabangsa.